

Inspira^{Inside}

TERKINI DI UPSI



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Bil 24: 15 Jun 2026



Lebih 3,000 warga UPSI sertai majlis bacaan Yasin dan Tahlil, peringati tragedi Gerik

Tanjong Malim, 9 Jun - Lebih 3,000 warga Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) serta masyarakat setempat menyertai Majlis Bacaan Yasin dan Tahlil khas bagi memperingati tragedi kemalangan bas yang mengorbankan 15 nyawa penuntut universiti itu di Gerik, Perak, 9 Jun tahun lalu.

Majlis yang berlangsung dalam suasana penuh hiba itu diadakan secara hibrid, melibatkan kehadiran fizikal di Masjid Al-Mursyidin, Kampus Sultan Azlan Shah UPSI di sini, serta siaran langsung secara dalam talian bagi membolehkan penyertaan warga universiti di pelbagai lokasi.

Naib Canselor UPSI, Prof Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata majlis berkenaan bukan sahaja menjadi simbol solidariti dan kebersamaan warga universiti, malah ruang untuk mendoakan kesejahteraan roh mangsa yang terkorban dalam tragedi berkenaan.

“Walaupun masa terus berlalu, kehilangan anak-anak UPSI ini tetap dirasai seluruh warga universiti. Kehadiran ribuan peserta pada malam ini mencerminkan semangat kekeluargaan yang utuh dalam kalangan warga UPSI.

“Kita berhimpun bukan sekadar untuk mengenang, tetapi untuk terus mendoakan agar roh mereka dicucuri rahmat serta keluarga yang ditinggalkan diberikan kekuatan dalam menghadapi ujian ini,” katanya ketika ditemui selepas majlis berkenaan di sini, semalam. Beliau berkata UPSI akan terus komited dalam memastikan kebajikan keluarga mangsa serta sokongan emosi dan psikologi kepada warga yang terkesan terus diberikan secara berterusan.

Majlis bacaan Yasin, tahlil dan doa selamat itu dipimpin oleh Imam Masjid Al-Mursyidin yang juga merupakan mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Tahfiz Al-Quran dan Qiraat UPSI, Muhammad Irfan Mohd Amir, dengan suasana hiba menyelubungi para hadirin apabila sebahagian peserta, khususnya dalam kalangan pelajar, tidak dapat menahan sebak sepanjang majlis berlangsung.

Turut hadir ialah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPSI, Prof Dr. Norkhalid Salimin; Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPSI, Prof Dr. Raja Nor Safinas Raja Harun; Pendaftar UPSI, Helmi Zaifura Abdul Rahman; Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat UPSI, Prof Dr. Mohd Izwan Shahril serta barisan pengurusan tertinggi universiti.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



Eksplorasi Mahasiswa Baharu DPAKK: Langkah Pertama ke Arah Kecemerlangan di UPSI

Kuala Lumpur, 3 Jun - Program M.A.J.U: Minggu Aspirasi dan Jelajah Unggul 2026 Fakulti Pembangunan Manusia (FPM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) berjaya dilaksanakan bagi menyambut kemasukan mahasiswa baharu ke alam pengajian tinggi. Program tersebut bertujuan untuk memberikan pendedahan awal kepada para mahasiswa berkaitan kehidupan kampus, sistem akademik, peraturan universiti serta kemudahan yang disediakan.

Seramai 168 orang pelajar diplomaambilan Jun sesi 2026/2027 telah mendaftar di UPSI bagi program Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak (PAKK) beberapa hari lalu terlibat secara langsung dalam program MAJU 2026 melalui kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), FPM dan Persatuan Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak (DPAKK). Program ini telah berlangsung di Dewan Kuliah Pusat 2, KSAS, UPSI menjadi platform penting untuk mendedahkan mahasiswa baharu kepada struktur fakulti dan juga sistem akademik yang akan mereka lalui sepanjang tempoh dua tahun pengajian Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak di UPSI.

IPM Jalin Kerjasama Warisan Melalui Lawatan ke Fakulti Seni Bina dan Reka Bentuk Alam Sekitar (KAED), UIAM

Gombak, 15 Jun - Institut Peradaban Melayu (IPM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah mengadakan lawatan akademik ke Fakulti Seni Bina dan Reka Bentuk Alam Sekitar (KAED), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) sempena majlis Penyerahan Projek *Heritage Studies* 2022 KAED UIAM.

Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Prof. Dr. Mariana Mohamed Osman, Dekan Fakulti Seni Bina dan Reka Bentuk Alam Sekitar (KAED), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Turut hadir ialah

Antara objektif utama pelaksanaan program tersebut adalah memberi pendedahan awal mengenai persekitaran kampus, mengenali struktur organisasi fakulti dan sistem pembelajaran peringkat diplom. Selain itu, program ini bertujuan untuk membantu mahasiswa baharu menyesuaikan diri dengan kehidupan universiti dari aspek akademik, sahsiah dan sosial. Minggu orientasi pelajar baharu ini juga diharapkan dapat menyuntik sokongan dan semangat yang baru kepada pelajar untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran universiti di samping membina keyakinan diri, kerjasama dan hubungan yang erat antara mahasiswa, pensyarah serta warga fakulti.

Antara pengisian utama yang telah dijalankan sepanjang program MAJU 2026 ini ialah slot bersama pihak pengurusan FPM iaitu bersama Dekan fakulti, slot bersama Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (TDHEPA) FPM, slot bersama persatuan Diploma PAKK, slot bersama Ketua Jabatan dan juga slot bersama penyelarass program Diploma PAKK

Prof. Madya Dr. Aliyah Nur Zafirah Sanusi, Ketua Jabatan KAED UIAM, Prof. Dr. Nurul Hamiruddin Salleh (Penyelarass) serta barisan pensyarah dan pelajar yang terlibat secara langsung dalam Projek *Heritage Studies* 2022. Penglibatan aktif warga akademik dan pelajar dalam program ini mencerminkan komitmen KAED UIAM dalam memperkasa kajian warisan sebagai medium pemeliharaan, pendokumentasian dan penghayatan khazanah budaya negara.



UPSI raih johan Festival Teater Zon Utara 2026

Pasir Puteh, 11 Jun - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terus mengukuhkan reputasinya dalam bidang seni persembahan apabila dinobatkan sebagai Johan Festival Teater Peringkat Zon Utara 2026 menerusi penyertaan Rumah Bakat, Fakulti Muzik dan Seni Persembahan (FMSP) yang mewakili Negeri Perak dalam pertandingan berprestij itu.

Kejayaan tersebut turut diserikan dengan kemenangan dua anugerah utama iaitu Anugerah Sinografi Terbaik yang dimenangi oleh pensyarah pelatih Jabatan Seni Persembahan Program Teater, Nazrur Dini Roslan serta Anugerah Pengarah Terbaik yang diraih oleh Pensyarah Jabatan Seni Persembahan Program Teater FMSP UPSI, Nadhilah Suhaimi.

Kemenangan itu sekali gus meletakkan Negeri Perak sebagai juara Festival Teater Zon Utara tahun ini dengan menewaskan Kedah yang muncul sebagai naib johan dan Perlis di tempat ketiga. Dekan Fakulti FMSP UPSI, Profesor Madya Dr. Muhammad Fazli Taib Saarani berkata kejayaan tersebut merupakan hasil kesungguhan dan komitmen seluruh warga fakulti yang sentiasa berusaha menghasilkan karya seni persembahan

berkualiti tinggi serta berimpak kepada pembangunan industri kreatif negara.

“Pencapaian ini membuktikan bahawa UPSI bukan sahaja cemerlang dalam bidang pendidikan, malah berupaya melahirkan bakat seni persembahan yang kompeten dan mampu bersaing di pentas yang lebih besar. Kemenangan ini adalah hasil gabungan kreativiti mahasiswa, kepakaran pensyarah serta semangat kerja berpasukan yang sangat tinggi.

Beliau berkata kejayaan yang diraih itu juga mencerminkan keberkesanan pendekatan pembelajaran berasaskan amali yang diterapkan di FMSP dalam melahirkan graduan berkemahiran tinggi serta mempunyai pengalaman profesional dalam bidang seni persembahan.

“FMSP akan terus komited memperkasa ekosistem seni persembahan melalui penghasilan karya-karya berkualiti dan memperluaskan jaringan kerjasama dengan pelbagai agensi seni serta budaya bagi memastikan bakat mahasiswa terus berkembang dan mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Penyertaan Rumah Bakat FMSP UPSI dalam

festival itu merupakan kesinambungan daripada kejayaan besar yang dicapai dalam Festival Teater Negeri Perak 2025 sehingga melayakkan kumpulan berkenaan dipilih sebagai wakil rasmi negeri ke pertandingan peringkat zon utara.

Dalam pertandingan tersebut, UPSI mempertaruhkan naskhah berjudul Tuan Puteri Dari Makkah, iaitu adaptasi skrip karya Profesor Madya Dr. Lena Farida Hussain Chin yang juga merupakan Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi UPSI.

Produksi berkenaan melibatkan kolaborasi pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Seni Persembahan (Teater), Program Tari serta Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Muzik yang berganding bahu menjayakan keseluruhan produksi secara profesional dan berkualiti tinggi. “Kami percaya seni persembahan merupakan medium penting dalam membentuk nilai kemanusiaan, kreativiti dan kepimpinan mahasiswa. Justeru, pencapaian ini menjadi pemangkin untuk terus melahirkan lebih banyak karya yang bukan sahaja menghiburkan, tetapi turut menyumbang kepada pembangunan budaya dan warisan negara,” katanya.

